

22 JUN 2002

Umno-Muhyiddin (Puteri)

PEMILIHAN PUTERI TIDAK PERLU KUOTA

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Pemilihan pemimpin Puteri Umno di peringkat bahagian dan pusat tidak memerlukan sistem kuota seperti yang diamalkan dalam pemilihan bahagian Umno dan Majlis Tertinggi (MT).

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata sebaliknya pemilihan jawatan Puteri Umno itu hanya memerlukan seorang pencadang serta seorang penyokong sahaja.

"Hanya pencalonan macam biasa sahaja, seperti dibuat dahulu iaitu pencadang, penyokong dan kemudian boleh bertanding," katanya kepada pemberita pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Kuota pencalonan bagi melayakkan seseorang bertanding jawatan ketua bahagian adalah minimum 10 peratus daripada jumlah cawangan sesebuah bahagian itu manakala lima peratus pencalonan daripada jumlah seluruh bahagian diperlukan untuk calon MT.

Katanya, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu jawatankuasa Puteri Umno di semua peringkat ditubuhkan menjelang akhir tahun ini.

Jawatankuasa Pengurusan Umno dan Disiplin Umno akan mengenal pasti tarikh sesuai untuk diadakan persidangan peringkat cawangan, bahagian dan pusat, katanya.

Muhyiddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno berkata, pelaksanaan kuota mungkin akan menimbulkan masalah sekiranya jumlah cawangan Puteri Umno di bahagian tertentu sangat kecil.

Selain itu, katanya, pemilihan jawatan kepimpinan parti dilihat sebagai proses yang tidak sepatutnya menimbulkan masalah termasuk amalan politik wang.

"Sekurang-kurangnya bila mula dengan cara betul, teratur dan tanpa masalah yang boleh mencemarkan nama baik parti, itu yang mustahak," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, proses pemilihan dan mesyuarat Puteri Umno di semua peringkat tidak terkecuali daripada peraturan yang terkandung dalam Kod Etika parti.

"Siapa sahaja dalam Umno tertakluk kepada dasar yang sama," katanya.

Beliau berkata agenda penting ialah memilih kepimpinan Puteri Umno di peringkat bahagian serta pencalonan bagi jawatankuasa Puteri Umno peringkat pusat.

Katanya, semua anggota Puteri Umno bagaimanapun perlu mendaftar diri sebagai anggota parti terlebih dahulu dan disahkan keahlian oleh ibu pejabat.

Selepas itu, cawangan yang mempunyai anggota tidak kurang 15 orang boleh memulakan mesyuarat setelah diputuskan MT, tambahnya.

-- BERNAMA

RZS AZZ MOZ